

Kata kunci:
Ujian
Nikmat
Syukur



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Aidilfitri

21 Mac 2026 / 1 Syawal 1447H

Kehidupan Dunia: Medan Ujian Untuk Manusia

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كُلَّمَا سَبَّحَهُ الْمُسَبِّحُونَ، اللَّهُ أَكْبَرُ كُلَّمَا حَمَدَهُ الْحَامِدُونَ،

اللَّهُ أَكْبَرُ كُلَّمَا وَحَدَهُ الْمُوَحِّدُونَ، وَكَبَّرَهُ الْمُكَبِّرُونَ، وَقَامَ بَيْنَ يَدَيْهِ

الْقَائِمُونَ، وَرَكَعَ لِعَظَمَتِهِ الرَّائِعُونَ، وَسَجَدَ لَجَلَالِهِ السَّاجِدُونَ،

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِصِيَامِ أَفْضَلِ شَهْرٍ، وَقَدَّرَ لَنَا الْإِلْتِقَاءَ بِلَيْلَةِ

الْقَدْرِ، وَيُحِيطُنَا بِمَوَدَّتِهِ فِي يَوْمِ عِيدِ الْفِطْرِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الرَّؤُوفُ الْمَنَّانُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ الشَّكُورُ الْحَنَّانُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ،

وَأَصْحَابِهِ وَأَتْبَاعِهِ، وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ،

أَوْصِيَكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Pada pagi yang penuh barakah ini, kita berkumpul untuk meraikan kejayaan mempertingkatkan ketakwaan menerusi amal ibadah sepanjang bulan Ramadan. Kita **bersyukur** kepada Allah s.w.t. atas pelbagai **nikmat** yang dikurniakan, terutama sekali **nikmat** keimanan yang terasa segar semula atas curahan rahmat dan kasih sayang-Nya sepanjang Ramadan.

Alhamdulillah! Kita telah dapat menyaksikan masjid-masjid dimakmurkan dan dipenuhi jemaah dari segenap lapisan – dari yang kecil mahupun dewasa, lelaki dan wanita, ramai yang berlumba-lumba mengejar rahmat Allah s.w.t. Wadah media sarat dengan pengisian agama. Hubungan kita dengan Al-Quran terasa akrab semula, dan alunan bacaan serta perkongsian tadabbur Al-Quran menghidupkan jiwa dan deria.

Kita telah menzahirkan kebersamaan dalam menyiapkan dan berkongsi juadah berbuka, mendekati golongan yang berkeperluan, serta menghulurkan infak dan sumbangan. Tidak lupa juga, semangat golongan belia untuk sama terlibat – kesemua ini menimbulkan rasa optimis bahawa roh dan semangat agama terus mekar dalam masyarakat kita. Semoga dengan izin Allah, semangat ini akan terus terpelihara buat generasi-generasi yang seterusnya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Jemaah yang dikasihi Allah,

Kejayaan kita menyempurnakan ibadah pada bulan Ramadan bukan hanya bergantung kepada usaha diri kita sendiri sahaja. Sebaliknya, ia adalah atas rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t. terhadap sekalian hamba-hambanya. Bukankah Rasulullah s.a.w. telah bersabda, dalam sepotong hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim, bahawa tiada seseorang pun yang akan memasuki syurga disebabkan amalannya, melainkan kerana limpahan rahmat Allah s.w.t.?

Ayuh, pada pagi yang mulia ini, kita renungkan tanda-tanda rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t. kepada kita. Renungkan setiap **nikmat** yang Allah telah kurniakan kepada kita walau pun tanpa kita minta. Allah s.w.t. telah mengurniakan kita **nikmat** iman dan Islam. Allah s.w.t. telah memberikan kita **nikmat** tenaga, kelapangan masa, kemurahan rezeki dan sebagainya. Allah s.w.t. juga telah menganugerahkan kita **nikmat** ketenangan dan kesejahteraan, agar kita dapat menghidupkan agama dengan penuh kesungguhan.

Kesemua ini adalah bukti rahmat dan cinta Allah s.w.t. terhadap kita. Lantas, bagaimanakah boleh kita cerminkan ketakwaan dan **kesyukuran** terhadap segala **nikmat** ini?

Jemaah yang dirahmati Allah,

Setiap perkara yang Allah s.w.t. tetapkan dalam kehidupan manusia – umurnya, rezekinya, agamanya – merupakan **ujian** dan tanggungjawab ke atas dirinya. Manusia dicipta supaya diuji, dan seluruh kehidupan adalah **ujian**. Firman-Nya dalam Surah Al-Mulk, ayat ke-2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “(Dialah) Yang menciptakan kematian dan kehidupan untuk **menguji** siapakah yang paling baik amalannya antara kamu, dan Dialah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Sidang Jemaah yang dikasihi,

Pada pagi ini, mimbar ingin berkongsi dua pengajaran utama berkaitan **ujian** kehidupan, agar kita dapat memahaminya dan menghadapinya dengan cara yang diredai Allah s.w.t.

Pertama: Setiap insan diuji dengan cara yang berbeza

Benar hadirin hadirat sekalian, kebelakangan ini sahaja, kita melihat bahawa di kalangan masyarakat Islam di merata dunia, ada yang menjalani ibadah Ramadan dalam suasana

ketegangan dan ketakutan. Suasana yang biasanya meriah dan aman bertukar suram dan kesunyian.

Pastinya, kita juga terkesan dengan **ujian** yang sedang mereka hadapi. Kita berdoa agar Allah s.w.t. memelihara mereka yang tidak bersalah dan memulihkan keamanan. Kita juga terus yakin terhadap ketentuan Allah bahawa pasti terdapat hikmah di sebalik setiap kejadian.

Namun, sebagaimana kesusahan dan kemelaratan adalah **ujian**, **nikmat** dan kesenangan juga merupakan **ujian**. Ada di kalangan manusia **diuji** dengan kesusahan dan kemelaratan. Manakala yang lain pula diuji dengan kesenangan dan kemewahan. Oleh itu, sekiranya kita tidak menghadapi setiap kesusahan itu, jangan pula kita sangka bahawa Tuhan tidak **menguji** kita. Sebaliknya, jika kita hidup dalam suasana **nikmat** dan kesenangan, percayalah bahawa segala **nikmat** yang kita kecapai juga adalah satu bentuk **ujian** daripada Allah s.w.t.

Usahlah kita tertipu dengan menyangka bahawa **nikmat** dan kesenangan yang kita miliki bererti kemuliaan di sisi Allah s.w.t. Yang menentukan darjat seseorang di sisi Allah, sama ada hidupnya dipenuhi kesenangan atau kesusahan, adalah takwa yang tersemat di dalam jiwa. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa.”

Saudara sekalian, alhamdulillah, kita adalah masyarakat yang telah dilimpahkan banyak **nikmat** oleh Allah s.w.t. Di saat insan lain menderita dan sengsara, kita masih lagi berteduh di bawah naungan keamanan dan kesejahteraan atas izin Allah s.w.t. Kita masih lagi mempunyai kelapangan dari segi kewangan. Kita masih lagi cukup dari segi bekalan dan keperluan. Kita masih boleh merancang dan memikirkan masa depan. Tahap pengajian terus semakin tinggi, dan kita terus menjalankan kehidupan beragama tanpa kerisauan tentang keselamatan diri. Semua ini adalah **nikmat** yang besar dan dalam masa yang sama, ia juga adalah **ujian** yang akan dipertanggungjawabkan.

Kadangkala, bukan kesusahan yang melemahkan iman, tetapi keselesaan yang mudah melalaikan. Bukan kekurangan yang membuat kita semakin jauh, namun rasa cukup yang membuat kita semakin lupa.

Oleh itu, ayuh fikirkan: *Apakah yang harus kita lakukan dengan semua **nikmat** yang Allah anugerahkan? Bagaimana dapat kita mencerminkan ketakwaan dan **kesyukuran**, sekaligus menghargai amanah yang telah Allah berikan?* Terutama sekali,

setelah melalui madrasah Ramadan, hendaklah kita terus bermuhasabah dan pastikan: *Apakah nilai-nilai murni yang kita kecapai di bulan Ramadan yang perlu terus dihidupkan dalam menguruskan **nikmat** serta **ujian** yang Allah berikan?*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

Saudara saudari sekalian,

Ini membawa kita kepada **pengajaran kedua** iaitu: **Reaksi terhadap ujian menentukan kejayaan**

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “*Sungguh menakjubkan keadaan seorang mukmin; semua urusannya adalah baik baginya. Apabila dia mendapat kesenangan, ia **bersyukur**, itu baik baginya; dan apabila dia ditimpa kesusahan ia **bersabar**, itu juga baik baginya.*” (Riwayat Muslim)

Hadis ini menitikberatkan reaksi seorang Mukmin ketika menghadapi kedua-dua bentuk **ujian** – apabila menerima **nikmat** dan berita gembira, atau ketika ditimpa musibah dan kecelakaan.

Apabila menghadapi **ujian**, seorang Muslim tidak akan berdiam diri, cepat berputus asa mahupun rasa cemas secara berlebihan dalam suasana **ujian** dan kegawatan. Dia terus menjaga hubungannya dengan manusia, mencari peluang untuk memperbaiki keadaan dan menabur ihsan. Dia terus meletakkan

keyakinannya kepada Allah, memohon bantuan dan bimbingan-Nya, serta terus berusaha dan mengorak langkah, mempersiapkan diri untuk hari-hari yang akan datang.

Allah s.w.t. telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالثَّمَرَاتِ ۖ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya! Kami akan **menguji** kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan, serta kekurangan harta benda, jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa reaksi yang dituntut daripada orang Mukmin apabila menghadapi kesusahan adalah untuk bersabar. Seorang Mukmin tidak melihat **ujian** sebagai satu kegagalan. Sebaliknya, **ujian** dilihat sebagai satu peluang untuk meraih ganjaran daripada Allah s.w.t., serta cuitan agar kembali mendekatkan diri dan meletakkan pergantungan kepada-Nya. Inilah kejayaan buat Mukmin yang ditimpa **ujian** dan kesusahan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Mukminin dan mukminat sekalian,

Sebagai Muslim yang hidup dalam keadaan lebih baik, jika dibandingkan dengan sesetengah saudara kita di negara lain, adalah menjadi tanggungjawab kita menerima **nikmat** Allah s.w.t. dengan **bersyukur**. Para ulama menjelaskan bahawa **syukur** ke atas **nikmat** itu tidak terletak pada lidah sahaja. Perhatikan huraian berikut:

Pertama, rasa **syukur** harus terbit dari hati yang yakin dan pasti bahawa setiap kelebihan dan **nikmat** datang daripada Allah. Hanya kepada-Nya kita meletakkan doa dan harapan.

Kedua, rasa **syukur** perlu diucapkan melalui lidah. Dengan ucapan 'alhamdulillah', kita mengiktiraf Si Pemberi iaitu Allah, dan mengharapakan keberkatan **nikmat** yang diberi.

Ketiga, rasa **syukur** perlu dicerminkan melalui perbuatan kita. Setiap kelebihan yang kita terima adalah amanah daripada Allah. Kita akan dipertanggungjawabkan atas setiap **nikmat** yang kita miliki. Apakah yang kita lakukan dengan **nikmat** keamanan, kesejahteraan, kebebasan, pendidikan, rezeki dan pendapatan yang Allah berikan selama ini?

Saudara yang dirahmati Allah s.w.t.

Mimbar ingin mengambil peluang pada hari mulia ini untuk berpesan agar kita meneruskan amal kebaikan, serta memelihara nilai-nilai murni seperti rahmah dan ihsan

menjangkau bulan Ramadan, sebagai tanda **syukur** kita kepada Allah s.w.t. Firman Allah dalam Surah Saba', ayat 13:

أَعْمَلُوا آلَ دَاوُدَ شُكْرًا

Yang bermaksud: "*Beramal-lah wahai keluarga Daud sebagai tanda **bersyukur!***"

Sidang muslimin muslimat yang dirahmati Allah,

Gunakanlah segala **nikmat** yang Allah kurniakan sebagai bukti **kesyukuran** kita, dengan terus berbuat kebaikan dan mendekatkan diri kepada-Nya.

Bergembiralah kita pada hari ini sebagaimana yang diajarkan Rasulullah s.a.w. Namun dalam kegembiraan ini, jangan kita lupa bahawa setiap **nikmat** adalah **ujian**. Jadikan setiap **nikmat** yang kita terima sebagai jalan untuk kita lebih tunduk, lebih memberi dan menebarkan ihsan.

Semoga Allah memelihara keamanan dan kesejahteraan, memberikan kita kekuatan dan ketenangan, serta menerima segala amalan yang telah kita lakukan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَ لَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَ بَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْهُمْ وَمَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ

مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ
عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ
فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.